



MENGAPAKAH IKLAN UBAT **PERLU ADA KELULUSAN DARIPADA LEMBAGA IKLAN UBAT (LIU)** TERMASUK IKLAN DI INTERNET?

Bagi Memastikan:

- 👉 Maklumat pada iklan adalah sah dan boleh dipercayai.
- 👉 Iklan dibuat secara bertanggungjawab.

👉 Nota: Semua iklan yang telah diluluskan oleh LIU mempunyai nombor kelulusan KKKLIU (Cth: 1234/2019). Ia perlu dipaparkan pada iklan supaya mudah dikenalpasti.



PERLU INGAT:

Produk melibatkan kesihatan adalah berbeza daripada barang-barang yang lain kerana ia memberi kesan kepada kesihatan kita



- ✓ Pastikan UBAT yang ingin dibeli berdaftar dengan KKM (contoh-MAL12345678T) – semak di <https://www.npra.gov.my> atau download aplikasi *NPRA Product Status* dari *Google Play*.
- ✓ Pastikan IKLAN mempunyai kelulusan Lembaga Iklan Ubat (contoh-KKKLIU 1234/2019) – semak di www.pharmacy.gov.my.

WASPADA!
Pembelian Ubat Dalam Talian
#biarbetulklanni!

Pesanan daripada:
Bahagian Penguatkuasaan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia



PROGRAM
PERKHIDMATAN
FARMASI

Maklumat lanjut sila layari:

www.pharmacy.gov.my

#biarbetulklanni



WASPADA !



biarbetuliklanni!
#

Pembelian Ubat Dalam Talian



- ✓ Pastikan **UBAT** yang ingin dibeli berdaftar dengan KKM (contoh-MAL12345678T) - semak di <https://www.npra.gov.my> atau muat turun aplikasi *NPRA Product Status* dari *Google Play*.
- ✓ Pastikan **IKLAN** mempunyai kelulusan Lembaga Iklan Ubat (contoh-KKLIU 1234/2019) - semak di www.pharmacy.gov.my.





RISIKO PEMBELIAN UBAT *ONLINE* DARI SUMBER TIDAK SAH !






Anda terdedah kepada:

- 👉 Produk tidak berdaftar.
- 👉 Produk dicampur dengan racun berjadual.
- 👉 Produk tiruan.
- 👉 Iklan produk dengan pelbagai testimoni meragukan.
- 👉 Iklan ubat tiada kelulusan daripada Lembaga Iklan Ubat.
- 👉 Kesan sampingan ubat.
- 👉 Maklumat tidak tepat kerana konsultasi daripada individu tidak bertauliah.
- 👉 Produk dirampas di pintu masuk negara (pembelian ubat dari luar negara).
- 👉 Penipuan/*scam*.






PASTIKAN SEMAK SEBELUM KLIK

-  Jangan beli ubat terkawal dan ubat untuk rawatan penyakit kronik (contoh: ubat darah tinggi, kencing manis, kanser, mati pucuk, penyakit mata dan sebagainya).
-  Jangan mudah percaya janji manis pengiklan dan testimoni-testimoni pengguna.
-  Kenalpasti premis fizikal yang sah yang menjual secara *online* dan pastikan mereka berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
-  Pastikan UBAT berdaftar dengan KKM (contoh MAL12345678T) – semak di <https://www.npra.gov.my> atau muat turun aplikasi *NPRA Product Status* dari *Google Play*.
-  Pastikan IKLAN mempunyai kelulusan Lembaga Iklan Ubat (contoh: KKLIU 1234/2019) – semak di www.pharmacy.gov.my

biarbetuliklanni!





BERHATI-HATI DENGAN PELBAGAI MAKLUMAT PADA IKLAN UBAT DI LAMAN WEB/E-MARKETPLACE/BLOG/FACEBOOK/WHATSAPPS DAN LAIN LAGI

FIKIR DAHULU!



Telah
lulus KKM??

Ada pelbagai
testimoni pengguna
termasuk selebriti?

Pelbagai logo
kualiti/sijil
akreditasi??

Boleh merawat
seribu satu
penyakit??

Jaminan
keberkesanan??



- ✓ Pastikan UBAT yang ingin dibeli berdaftar dengan KKM (contoh-MAL12345678T) – semak di <https://www.npra.gov.my> atau muat turun aplikasi *NPRA Product Status* dari *Google Play*.
- ✓ Pastikan IKLAN mempunyai kelulusan Lembaga Iklan Ubat (contoh-KKLIU 1234/2019) – semak di www.pharmacy.gov.my.



BERHATI-HATI DENGAN PEMBELIAN PRODUK *ONLINE* YANG **DIMAKAN** *ANTARANYA PRODUK YANG MENGANDUNGI:



Gamat



Mutiara



Resveratrol



Glutathione



Hyaluronic acid



Glucosamine

Produk tersebut perlu berdaftar dengan
Pihak Berkuasa Kawalan Dadah, KKM



Pastikan **UBAT** yang ingin dibeli berdaftar dengan KKM (Contoh no. pendaftaran produk : MAL12345678T) – semak di <https://www.npra.gov.my> atau muat turun aplikasi *NPRA Product Status* dari *Google Play*.



Pastikan **IKLAN** mempunyai kelulusan Lembaga Iklan Ubat (Contoh KKKIU 1234/2019) – semak di <https://www.pharmacy.gov.my>.



RISIKO PEMBELIAN UBAT ONLINE

dari sumber tidak sah!



Anda terdedah kepada :

- Produk tidak berdaftar.
- Produk dicampur dengan racun berjadual.
- Produk tiruan.
- Iklan produk dengan pelbagai testimoni meragukan.
- Iklan ubat tiada kelulusan daripada Lembaga Iklan Ubat.
- Kesan sampingan ubat.
- Konsultasi dari individu tiada tauliah.
- Produk dirampas di pintu masuk negara (pembelian ubat dari luar negara).
- Penipuan.



Pesanan daripada:
Bahagian Penguatkuasaan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia



PROGRAM
PERKHIDMATAN
FARMASI

Maklumat lanjut sila layari:

www.pharmacy.gov.my

#biarbetuliklanni



WASPADA PEMBELIAN UBAT DALAM TALIAN

Terlalu banyak maklumat ubat dalam Internet? Anda kurang pasti sumber maklumat ubat atau produk kesihatan dalam Internet yang sahih?

Berikut adalah saluran rasmi yang boleh dirujuk oleh anda:

-  **Semakan pendaftaran produk ubat berdaftar dan kosmetik bernotifikasi:** www.npra.gov.my>product search
-  **Semakan iklan ubat yang telah diluluskan:** <https://www.pharmacy.gov.my/v2/ms/apps/iklan>
-  **Laman Web Rasmi:** <https://www.pharmacy.gov.my>, <https://www.npra.gov.my>, <https://www.myhealth.gov.my>, <https://www.knowyourmedicine.gov.my/>, <https://kpkkesihatan.com>, <https://www.moh.gov.my>, <https://sebenarnya.my/>
-  **Media sosial:** Facebook Kementerian Kesihatan Malaysia, Facebook Program Perkhidmatan Farmasi, Facebook Duta Kenali Ubat Anda, Facebook Jabatan Kesihatan Negeri, Telegram Sihat Milikku
-  **Nombor telefon:** Program Perkhidmatan Farmasi 03-78413200
Pusat Panggilan Farmasi Kebangsaan 1 800 88 6722
-  **Aduan:** Sistem Pengurusan Aduan Awam - <http://moh.spab.gov.my>

Jangan terpedaya dengan iklan-iklan ubat yang meragukan.

Dapatkan maklumat dari sumber yang sahih!



JADILAH PENJUAL ONLINE YANG BERTANGGUNGJAWAB!

**MENJUAL / MEMILIKI PRODUK TIDAK BERDAFTAR
(TERMASUKLAH *ONLINE*) MELANGGAR SEKSYEN 12 AKTA JUALAN DADAH 1952**

- i. Denda sehingga RM25,000 dan/atau penjara 3 tahun bagi individu.
- ii. Denda sehingga RM50,000 bagi syarikat.

**KESALAHAN MENGIKLANKAN UBAT TANPA
KELULUSAN LEMBAGA IKLAN UBAT (TERMASUKLAH *ONLINE*)
BOLEH DIKENAKAN HUKUMAN DI BAWAH SEKSYEN 5 AKTA UBAT
(IKLAN & PENJUALAN) 1956**

Kesalahan pertama denda sehingga RM3,000 dan/atau penjara 1 tahun dan kesalahan seterusnya denda sehingga RM5000 dan/atau penjara 2 tahun



JANGAN MUDAH PERCAYA IKLAN UBAT DI INTERNET TERMASUKLAH DI MEDIA SOSIAL



**PASTIKAN
SEMAK
SEBELUM
KLIK**

- ✓ Pastikan UBAT yang ingin dibeli berdaftar dengan KKM (contoh-MAL12345678T) – semak di <https://www.npra.gov.my> atau muat turun aplikasi *NPRA Product Status* dari *Google Play*.
- ✓ Pastikan IKLAN mempunyai kelulusan Lembaga Iklan Ubat (contoh-KKLIU 1234/2019) – semak di www.pharmacy.gov.my.



APA YANG ANDA PERLU TAHU BERKAITAN IKLAN UBAT

- 👉 Iklan ubat berkaitan rawatan/pencegahan dan diagnosis terhadap 20 jenis penyakit terlarang, pil gugur, peningkatan fungsi jantung/buah pinggang dan peningkatan fungsi & prestasi seksual adalah **DILARANG** untuk disiarkan.
- 👉 Iklan ubat yang mempunyai tuntutan perubatan perlu mendapatkan kelulusan daripada Lembaga Iklan Ubat (LIU) sebelum ia disiarkan.
- 👉 Produk dikelaskan sebagai '**BUKAN UBAT**' atau **MAKANAN** tidak boleh membuat akuan/tuntutan perubatan.
- 👉 Produk dikelaskan sebagai '**BUKAN UBAT**' atau **MAKANAN** tidak boleh memperaku bahawa ia telah **MENDAPAT KELULUSAN KKM**.
- 👉 Produk dikelaskan sebagai **KOSMETIK** (mempunyai nombor notifikasi; contohnya NOT12345678K) tidak boleh membuat iklan melampaui skop takrifan kosmetik (contoh: spray untuk sakit sendi, produk titis mata, minyak angin untuk sakit lutut).



Dapatkan nasihat daripada ahli farmasi anda.

PASTIKAN
SEMAK
SEBELUM
KLIK

- ✓ Pastikan **UBAT** yang ingin dibeli berdaftar dengan KKM (contoh-MAL12345678T) – semak di <https://www.npra.gov.my> atau muat turun aplikasi *NPRA Product Status* dari Google Play.
- ✓ Pastikan **IKLAN** mempunyai kelulusan Lembaga Iklan Ubat (contoh-KKLIU 1234/2019) – semak di www.pharmacy.gov.my.



TIPS UNTUK MENGENAL PASTI IKLAN TIADA KELULUSAN LEMBAGA IKLAN UBAT (LIU), KKM

- 👉 Iklan ubat berkaitan rawatan/pencegahan dan diagnosis terhadap 20 jenis penyakit. antaranya kencing manis, darah tinggi, jantung, kanser dan lain-lain
- 👉 Iklan melibatkan pil gugur (*abortion*)
- 👉 Iklan melibatkan peningkatan fungsi jantung/buah pinggang
- 👉 Iklan melibatkan peningkatan fungsi & prestasi seksual (sama ada secara tersurat atau tersirat)
- 👉 Memuatkan kenyataan superlatif seperti '**MUJARAB**', '**DIJAMIN BERKESAN**', '**AJAIB**', '**TIADA KESAN SAMPINGAN**', '**UNGGUL**' dan seumpamanya
- 👉 Pengendorsan daripada ahli professional seperti penggunaan kot putih (*white coat*) dan stetoskop
- 👉 Produk dikelaskan sebagai **KOSMETIK** (mempunyai nombor notifikasi; contohnya NOT12345678K) membuat iklan melampaui skop takrifan kosmetik (contoh: spray untuk sakit sendi, produk titis mata, minyak angin untuk sakit lutut)
- 👉 Iklan ubat yang memberi jaminan keberkesanan dalam tempoh yang tidak munasabah
- 👉 Iklan ubat kurus yang tidak menyarankan keperluan diet yang seimbang dan senaman yang berterusan

Dapatkan nasihat daripada ahli farmasi anda.



PASTIKAN
SEMAK
SEBELUM
KLIK

- ✓ Pastikan UBAT yang ingin dibeli berdaftar dengan KKM (contoh-MAL12345678T) – semak di <https://www.npra.gov.my> atau muat turun aplikasi *NPRA Product Status* dari *Google Play*.
- ✓ Pastikan IKLAN mempunyai kelulusan Lembaga Iklan Ubat (contoh-KKLIU 1234/2019) – semak di www.pharmacy.gov.my.



TIPS PEMBELIAN UBAT *ONLINE* !

- **DAPATKAN** nasihat daripada ahli farmasi anda sebelum membeli sebarang produk kesihatan.
- **HANYA** boleh membeli ubat yang telah berdaftar dengan KKM yang dikategorikan sebagai *over-the-counter* (OTC), tradisional dan suplemen kesihatan sahaja (No. MAL diakhiri dengan X, T atau N sahaja). Semak pendaftaran produk di <https://www.npra.gov.my> atau muat turun aplikasi NPRA *Product Status* dari *Google Play*.
- Ubat yang memerlukan preskripsi dan ubat terkawal **TIDAK BOLEH** dijual secara online. (No. MAL diakhiri dengan A).
- **ELAKKAN** membeli ubat daripada laman sosial.
- **ELAKKAN** membeli ubat secara *online* daripada penjual luar negara.
- **KENALPASTI** premis fizikal penjual yang membuat penjualan dalam talian dan pastikan mereka berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
- **PASTIKAN** iklan ubat mempunyai nombor kelulusan KKKLIU.
- **JANGAN** terpedaya dengan janji-janji manis iklan terutamanya melibatkan penyakit-penyakit kronik & peningkatan seksual. Semak iklan ubat yang telah diluluskan di www.pharmacy.gov.my.
- Risiko pembelian ubat secara online dari sumber yang tidak sah mungkin anda mendapat ubat yang tidak berdaftar, ubat tiruan atau ubat yang dicemari racun berjadual yang boleh memudaratkan nyawa anda.

